

# Lelaki berjudi di tempat awam didenda RM2,500

**MIRI:** Seorang lelaki dikenakan denda RM2,500 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas kesalahan bermain judi dalam talian di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Lingam selepas tertuduh, Kong Hui Cheng, 41, dari Kampung Cina, Limbang, mengaku bersalah atas pertuduhan

yang dibacakan mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Kesalahan itu memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh ditahan pada jam 11.20 malam 3 Februari lalu di sebuah premis di Pujut

Corner di sini oleh sepasukan polis yang menjalankan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti perjudian jenis judi dalam talian.

Hasil pemeriksaan lanjut mendapati telefon bimbit milik tertuduh memaparkan aplikasi judi dalam talian.

Susulan itu, tertuduh ditangkap dan telefon bimbitnya dirampas sebagai

barang kes.

Di hadapan mahkamah, tertuduh yang tidak diwakili peguam bela merayu hukuman ringan dengan alasan ini adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwa dikendalikan oleh pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.